



UPM Rai Majlis Berbuka Puasa Bersama Pelajar Antarabangsa



SERDANG, 12 Ogos – Pusat Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan majlis berbuka puasa bersama pelajar mobiliti antarabangsa sempena menyambut bulan Ramadan pada tahun ini.

Pelajar antarabangsa yang terlibat dalam program mobiliti bersama UPM terdiri dari beberapa buah negara seperti United Kingdom, Perancis, Indonesia, Korea, Thailand, Japan dan Hong Kong.



Dr. Syed Alwee (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelajar mobiliti antarabangsa UPM.

Program mobiliti itu terbahagi kepada dua iaitu pengajian jangka pendek selama seminggu atau dua minggu dan pengajian jangka panjang selama satu semester atau lebih bergantung kepada pengajian yang diambil.

Majlis yang diadakan di Dewan Sri Harmoni Kolej Kelima UPM itu dihadiri Pengarah Bahagian Pemasaran Pendidikan Kementerian Pengajian Tinggi, Dr. Syed Alwee Shekh Al Sagoff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Pengarah Pusat Antarabangsa UPM, Dr. Zelina Zaiton Ibrahim dan Pengetua Kolej Kelima UPM, Tuan Syed Agi Al Sagoff.



Prof. Datin Paduka Dr. Aini (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelajar mobiliti antarabangsa dari University of East Anglia, UK.

Georgina Maltby pelajar dari University of East Anglia, United Kingdom kagum dengan masyarakat Muslim yang cekal dan tabah dalam menahan diri untuk makan dan minum di bulan Ramadan.



Ferred Berendt dari Perancis.

Manakala pelajar mobiliti dari negara Perancis, Ferred Berendt pula menyatakan beliau akan cuba untuk belajar berpuasa sama seperti orang Muslim dan ingin merasai kenikmatan apabila sampai waktu berbuka.



**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013, Fotografi Ahmad Fua'ad Alwi, 03-89466199).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia